

Nota Mengenai Nabi Muhammad ﷺ
Sumber : Facebook Dr. Abdullaah Jalil & Ustaz Muhd Shahir

Al-Imam al-Hafiz Ibn al-Jawzi al-Hanbali (w.597H) Menganjurkan *Tawassul* dengan *Qadr* (Kedudukan/ Kemuliaan) dan *Hurmah* (Kehormatan) Saidina Muhammad ﷺ

Al-Imam al-Hafiz Ibn al-Jawzi al-Hanbali (w.597H) – pengarang kitab "*Talbis Iblis*" dan "*Daf' Shubah al-Tashbih*" – menyatakan di dalam kitabnya "*Bustan al-Wa'izin wa Riyad al-Sami'in*" (ms:281):

رُوِيَ عَن النَّبِي ﷺأَنه قَالَ (أَكْثرُوا من الصَّلَاة عَليّ فَإِنِّي أشفع لكم على قدر ذَلِك)

Diriwayatkan daripada Nabi ﷺ bahawa Baginda bersabda: (Perbanyakkanlah selawat ke atasku, sesungguhnya aku memberi shafaat kepada kalian semua dengan kadar tersebut (selawat kalian ke atasku).

Beliau juga menganjurkan seseorang yang berada di dalam kesusahan agar berdoa kepada Allah dengan **bertawassul dengan *qadr* (kedudukan/kemuliaan) dan *hurmah* (kehormatan) Nabi Muhammad** ﷺ, dengan berkata (ms:281):

PENUNTUT ILMU

فَالله الله يَا أمة مُحَمَّد وَيَا أحباب مُحَمَّد من أَصَابَته نائبة أَو وَقع فِي شدَّة فليتضرع إِلَى مَوْلَاهُ ويسأله بِقدر مُحَمَّد وبحرمة مُحَمَّد صلى الله عَلَيْهِ وَسلم فَإِنَّهُ قدره عِنْد الله عَظِيم

"Allah, Allah. Wahai umat (Saidina) Muhammad, wahai kekasih-kekasih (Saidina) Muhammad: barangsiapa yang ditimpa kepayahan atau berada di dalam kesusahan, maka hendaklah dia merendahkan dirinya kepada TuhanNya dan memohon daripadaNya **dengan *qadr* (kedudukan/kemuliaan) (Saidina) Muhamad dan dengan *hurmah* (kehormatan) (Saidina) Muhammad** ﷺ, maka sesungguhnya kedudukan/kemuliaan Baginda di sisi Allah adalah sangat agung."

Semua Makhluk Mengenal Rasulullah ﷺ Melainkan Jin dan Manusia Yang Ingkar

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللهِ ﷺ ، أَنَّ رَسُولَ اللهَ ﷺ قَالَ:

((إِنَّهُ لَيْسَ شَيْءٌ بَيْنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ، إِلَّا يَعْلَمُ أَنِّي رَسُولُ اللهِ، إِلَّا عَاصِيَ الْجِنِّ وَالْإِنْسِ))

Daripada Jabir Ibn Abdullah ﷺ, beliau meriwayatkan bahawa sesungguhnya Rasulullah ﷺ bersabda:

"Sesungguhnya tidak ada sesuatu apa pun di antara langit dan bumi, melainan pasti ia/dia mengetahui bahawa sesungguhnya aku adalah Rasulullah (ﷺ), melainkan golongan yang ingkar dari kalangan jin dan manusia."

T: (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad), No.13923 [Lafaz di atas]; (al-Dārimī (255H), 2000 - Sunan al-Dārimī), No. 18; (al-Būṣīrī (840H), 1998 - Itḥāf al-Khiyarah al-Maharah bi Zawā'id al-Masānīd al-'Asharah), No. 8530; (al-Haythamī (807H), 1979 - Kashf al-Astār 'an Zawā'id al-Bazzār), No. 2450; (Ibn Abi Shaybah (235H), 2004 - Musannaf Ibn Abi Shaybah), No.32252; (Abu Nu'aym al-Asbahani (430H), - Dala'il al-Nubuwwah), No. 279; (Ibn Hibban (354H), 1975 - al-Thiqat), No.131/2 dan lain-lain.

Faedah Selawat (01)

Sabda baginda Rasulullah ﷺ:

((أَكْثِرُوْا مِنَ الصَّلَاةِ عَلَيَّ فَإِنَّهَا نُوْرٌ فِي الْقَبْرِ وَنُوْرٌ عَلَى الصِّرَاطِ وَنُوْرٌ فِي الْجَنَّةِ))

"Perbanyakkanlah berselawat kepadaku, sesungguhnya selawat itu menjadi cahaya di kubur, cahaya di titian sirath dan cahaya di dalam syurga"

Faedah Selawat (02)

Sabda baginda Rasulullah ﷺ:

((أَكْثِرُوْا مِنَ الصَّلَاةِ عَلَيَّ فَإِنَّهَا تُطْفِئُ غَضَبَ الْجَبَّارِ وَتُوْهِنُ كَيْدَ الشَّيْطَانِ))

"Perbanyakkanlah berselawat kepadaku, sesungguhnya selawat itu memadamkan kemarahan Tuhan Al-Jabbar dan melemahkan tipudaya syaitan"

MAKLUMAT DAN PERISTIWA HARI KELAHIRAN BAGINDA صلى الله عليه واله وصحبه وسلم		ISYARAT
TARIKH	1) 12 Rabiul Awwal tahun gajah 2) Bersamaan 20 April 571 3) 50 hari selepas serangan tentera bergajah Abrahah 4) Lahir selepas Nabi Isa alahisalam dengan tempoh 500 tahun	
MASA	16 minit sebelum subuh	Segala kesulitan akan selesai apabila bermula di awal pagi dengan bermunajat kepada Allah
HARI	Isnin. Apabila baginda Nabi ditanya kenapa berpuasa pada hari Isnin, baginda menjawab: ((Itulah hari aku dilahirkan))	Pensyariatan untuk menyambut hari kelahiran Baginda (Maulid Nabi). صلوا على النبي
TEMPAT	1) Rumah Abi Talib di lembah Bani Hashim berhampiran Bukit Marwah 200 meter dengan Kaabah 2) Sekarang ini dijadikan perpustakaan Mekah	
PERISTIWA BERLAKU	Kata Ibunda Rasulullah : Aku melihat cahaya memancar dari Mekah ke Bushra	Bushra merupakan negara Islam pertama yang dibuka iaitu di Sham
MEREKA YANG SAMBUT	1) Ummu Aiman ibu kepada Sayyiduna Usamah b Zaid 2) As-Syifa ibu kepada Sayyiduna Abdul Rahman b Auf 3) Fatimah ibu kepada Sayyiduna Uthman bin Abi `As 4) Suwaibah hamba kepada Abu Lahab	1) Sayyiduna Usamah menjadi ketua panglima perang 2) Sayyiduna Abd Rahman termasuk 10 orang yang dijanjikan syurga dan merupakan sahabat yang terkaya 3) Sayyiduna Uthman merupakan sahabat yang dikurniakan banyak ilmu 4) Suwaibah dibebaskan dan menjadi orang yang merdeka
SELEPAS KELAHIRAN & NAMA YANG DIBERI	Baginda Nabi dibawa oleh datuk baginda Abdul Muttalib tawaf di sekeliling kaabah lalu menamakan (Muhammad). Ditanya, kenapa menamakan dengan nama yang tiada pada nenek moyang. Dijawabnya: (Untuk menjadi terpuji di bumi dan di di langit)	Nama seseorang memberi kesan pada jiwa dan karekter seseorang.
SAUDARA SUSUAN BAGINDA	Masrruh dari anak Suwaibah yang merupakan hamba dan Sayyiduna Hamzah dari keluarga ternama (Abu Talib)	Baginda menyatukan di kalangan hamba dan kenamaan. Mengammbarkan sifat Islam yang menyatukan

"Wangian Diingati Dengan Wangian"

Al-Amir al-San'ani (w.1182H) Berselawat Ke atas Rasulullah ﷺ Ketika Memakai Minyak Wangi

Al-Amir al-San'ani (w.1182H) – pengarang kitab "*Subul al-Salam Sharh Bulugh al-Maram*" diriwayatkan sentiasa berselawat kepada Rasulullah ﷺ setiap kali orang lain memberikannya/memakaikannya minyak wangi.

Beliau ditanya: Adakah di sana ada dalil bagi amalan ini (iaitu berselawat ketika memakai minyak wangi)?

Beliau pun menjawab dengan melantunkan syair berikut:

فَهَلْ عِنْدَكُمْ مِنْ سُنَّةٍ فِيهِ تُؤْثَرُ؟	يَقُولُونَ: عِنْدَ الطِّيبِ تَذْكُرُ أَحْمَدًا	1
"Apakah di sisi kamu ada (dalil) sunnah berkenaannya yang diwarisi?"	Mereka berkata: "Ketika menggunakan minyak wangi, engkau menyebut (nama) Ahmad (ﷺ) (dengan berselawat)."	
فَأَذْكُرُهُ وَالشَّيْءُ بِالشَّيْءِ يُذْكَرُ	فَقُلْتُ لَهُمْ: لَا، إِنَّمَا الطِّيبُ أَحْمَدُ	2
Maka aku menyebutnya (ketika memakai minyak wangi), (kerana) sesuatu itu dengan dirinya itu diingati.	Maka aku berkata kepada mereka: "Tidak. (Akan tetapi) hanyasanya wangian yang sebenar adalah (Nabi) Ahmad (ﷺ)."	

Rasulullah ﷺ Ditentukan Sebagai Penutup Para Nabi عليهم السلام Sebelum Sempurnanya Penciptaan (Ditiupkan Roh) Nabi Adam عليه السلام

عَنِ الْعِرْبَاضِ بْنِ سَارِيَةَ الْفَزَارِيِّ رضي الله عنه، قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ ﷺ يَقُولُ:

((إِنِّي عِنْدَ اللهِ مَكْتُوبٌ بِخَاتَمِ النَّبِيِّينَ، وَإِنَّ آدَمَ لَمُنْجَدِلٌ فِي طِينَتِهِ، وَسَأُخْبِرُكُمْ بِأَوَّلِ ذَلِكَ: دَعْوَةُ أَبِي إِبْرَاهِيمَ، وَبِشَارَةُ عِيسَى، وَرُؤْيَا أُمِّيَ الَّتِي رَأَتْ حِينَ وَضَعَتْنِي أَنَّهُ خَرَجَ مِنْهَا نُورٌ أَضَاءَتْ لَهَا مِنْهُ قُصُورُ الشَّامِ))

Daripada al-ʿIrbad Ibn Sariyah al-Fazari رضي الله عنه, beliau berkata: Saya telah mendengar Rasulullah ﷺ bersabda:

"Sesungguhnya aku telah ditulis (ditentukan) sebagai penutup segala para Nabi عليهم السلام dan pada waktu itu (Nabi) Adam عليه السلام masih dalam keadaan tanah yang basah.

Dan aku akan memberitahu kamu dengan perkara yang terawal berkenaan perkara ini: iaitu (aku adalah) doa ayahku (Nabi) Ibrahim عليه السلام, dan (aku adalah) khabar gembira yang dibawa oleh (Nabi) ʿIsa عليه السلام, dan (aku adalah) *ruʾyā* (mimpi) yang dilihat oleh ibuku ketika beliau melahirkan aku – sesungguhnya telah keluar daripada dirinya satu *nūr* (cahaya) yang meneranginya sehingga terlihat baginya istana-istana di Syam."

PENUNTUT ILMU

T: (Ibn Ḥibbān (354H), 1993 - Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān), No. 6540 [Lafaz di atas]; (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad), No. 16700 & 16712; (al-Ḥakim (405H), 1990 - al-Mustadrak ʿalā al-Saḥīḥayn), No. 3496 & 4106 dan lain-lain.

Kenabian Telah Ditetapkan Bagi Rasulullah ﷺ Ketika Nabi Adam عليه السلام di antara Roh dan Jasad

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رضي الله عنه، قَالَ:

قَالُوا: يَا رَسُولَ اللهِ، مَتَى وَجَبَتْ لَكَ النُّبُوَّةُ؟ قَالَ: ((وَآدَمُ بَيْنَ الرُّوحِ وَالْجَسَدِ))

Daripada Abu Hurayrah رضي الله عنه, beliau berkata:

"Para sahabat berkata/bertanya kepada Rasulullah ﷺ: Wahai Rasulullah, bilakah telah wajib/ditetapkan bagimu kenabian?.

Baginda ﷺ menjawab: "((Kenabian telah diwajibkan/ditetapkan bagiku) pada ketika (Nabi) Adam (عليه السلام) di antara roh dan jasad.))"

T: (al-Tirmidhī (279H), - al-Jāmiʿ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)), No. 3609 [Lafaz di atas] dan beliau berkata: (هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ غَرِيبٌ); (al-Ḥakim (405H), 1990 - al-Mustadrak ʿalā al-Saḥīḥayn); (al-Ajurri (360H), - al-Shariʿah); (al-Lalikaʾi (418H), 2002 - Sharh Usul Iʿtiqad Ahl al-Sunnah wa al-Jamaʿah); (Abu Nuʿaym al-Asbahani (430H), - Dalaʾil al-Nubuwwah); (al-Bayhaqi (458H), - Dalaʾil al-Nubuwwah) dan lain-lain.

Nota: Di dalam hadith ini terdapat isyarat yang *latifah* bahawa Rasulullah ﷺ adalah maksud atau tujuan daripada penciptaan Nabi Adam عليه السلام.

Sungai al-Kawthar Bagi Rasulullah ﷺ Di Syurga

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ ﷺ، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ:

((بَيْنَمَا أَنَا أَسِيرُ فِي الْجَنَّةِ، إِذَا أَنَا بِنَهَرٍ حَافَتَاهُ قِبَابُ الدُّرِّ الْمُجَوَّفِ، قُلْتُ: مَا هَذَا يَا جِبْرِيلُ ؟. قَالَ: هَذَا الْكَوْثَرُ الَّذِي أَعْطَاكَ رَبُّكَ، فَإِذَا طِينُهُ أَوْ طِيبُهُ مِسْكٌ أَذْفَرُ))

Daripada Anas Ibn Malik ﷺ, beliau meriwayatkan daripada Nabi ﷺ bahawa Baginda bersabda:

"Ketika aku sedang berjalan di syurga (pada malam al-Isrā' dan al-Miʿrāj), tiba-tiba aku berada di sebuah sungai, yang mana kedua-dua tebingnya adalah kubah-kubah (yang diperbuat) daripada mutiara yang berlubang.

Aku pun berkata: Apakah ini, wahai Jibril?

Dia menjawab: Ini adalah al-Kawthar yang dikurniakan oleh Tuhanmu kepadamu.

Dan tanahnya atau baunya adalah daripada (minyak) misik yang sangat wangi."

T: (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 4964 & 6581 [Lafaz di atas]; (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmiʿ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 403; (al-Tirmidhī (279H), - al-Jāmiʿ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)), No. 3360 dan lain-lain.

Pengislaman *Qarīn* Rasulullah ﷺ

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ مَسْعُودٍ ﷺ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ :

((مَا مِنْكُمْ مِنْ أَحَدٍ إِلَّا وَقَدْ وُكِّلَ بِهِ قَرِينُهُ مِنَ الْجِنِّ))، قَالُوا: وَإِيَّاكَ يَا رَسُولَ اللهِ؟، قَالَ: ((وَإِيَّايَ إِلَّا أَنَّ اللهَ أَعَانَنِي عَلَيْهِ، فَأَسْلَمَ فَلَا يَأْمُرُنِي إِلَّا بِخَيْرٍ))

Daripada ʿAbdullah Ibn Masʿūd ﷺ, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

"Tidak ada seorang pun dari kalangan kamu melainkan telah diwakilkan untuk dirinya *qarin*nya daripada kalangan jin[1].

Para sahabat ﷺ berkata: Dan termasuk Tuan juga, wahai Rasulullah?

Baginda ﷺ bersabda: Dan termasuk diriku juga, melainkan sesungguhnya Allah ﷻ telah membantu diriku ke atasnya, lalu dia telah memeluk Islam, dan dia tidak akan menyuruh diriku melainkan dengan kebaikan."

T: (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmiʿ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 2816 [Lafaz di atas]; (al-Dārimī (255H), 2000 - Sunan al-Dārimī), No. 2734; (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad), No. 3640, 3770, 3792 & 4378 dan lain-lain.

---

[1] Di dalam riwayat al-Darimi, Ahmad dan lain-lain, dengan tambahan: "Dan *qarīn*nya dari kalangan malaikat."

Rasulullah ﷺ Akan Dipakaikan Pakaian Dari Syurga dan Berdiri Di Sebelah Kanan Arash Di Hari Akhirat

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ﷺ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ :

((أَنَا أَوَّلُ مَنْ تَنْشَقُّ عَنْهُ الْأَرْضُ، فَأُكْسَى الْحُلَّةَ مِنْ حُلَلِ الْجَنَّةِ، ثُمَّ أَقُومُ عَنْ يَمِينِ الْعَرْشِ لَيْسَ أَحَدٌ مِنَ الْخَلَائِقِ يَقُومُ ذَلِكَ الْمَقَامَ غَيْرِي))

Daripada Abu Hurayrah ﷺ, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

"Aku adalah orang pertama yang terbelah baginya bumi (untuk dibangkitkan dari kubur).

Kemudian, aku dipakaikan dengan satu persalinan yang lengkap dari pakaian-pakaian Syurga.

Kemudian aku akan berdiri di sebelah kanan Arash; dan tidak ada seorang pun dari kalangan para makhluk yang akan berdiri/berada di kedudukan itu selain daripada aku."

T: (al-Tirmidhī (279H), - al-Jāmi' al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)), No. 3611 [Lafaz di atas] dan beliau berkata: (هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ غَرِيبٌ صَحِيحٌ).

Kemuliaan Rasulullah ﷺ Yang Akan Zahir Di Akhirat

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ ﷺ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ :

((أَنَا أَوَّلُ النَّاسِ خُرُوجًا إِذَا بُعِثُوا، وَأَنَا خَطِيبُهُمْ إِذَا وَفَدُوا، وَأَنَا مُبَشِّرُهُمْ إِذَا أَيِسُوا، لِوَاءُ الْحَمْدِ يَوْمَئِذٍ بِيَدِي، وَأَنَا أَكْرَمُ وَلَدِ آدَمَ عَلَى رَبِّي وَلَا فَخْرَ))

Daripada Anas Ibn Malik ﷺ, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

"Aku adalah manusia pertama yang akan keluar apabila manusia dibangkitkan (dari kubur mereka);

dan akulah pembicara bagi mereka apabila mereka datang (ke padang mahsyar/ Hari Akhirat);

dan akulah pembawa berita gembira (dengan rahmat dan keampunan kepada orang-orang beriman) tatkala mereka hampir-hampir berputus asa (di sana);

Panji kepujian berada di tanganku pada hari tersebut (Hari Akhirat/Kebangkitan);

dan akulah anak Adam (manusia) yang paling mulia di sisi Tuhanku;

dan (perkara ini dinyatakan) bukan kerana bermegah-megah (tetapi ia perlu diketahui di dalam agama/ ia adalah semata-mata kurniaan Allah ﷻ)."

T: (al-Tirmidhī (279H), - al-Jāmiʿ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)), No. 3610 [Lafaz di atas] dan beliau berkata: (هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ غَرِيبٌ); (al-Bazzār (292H), 1997 - al-Baḥr al-Zakhkhār bi Musnad al-Bazzār), No. 6523; (Abū Yaʿlā al-Mawṣilī (307H), 1992 - Musnad Abī Yaʿlā al-Mawṣilī), No. 160; (Taj al-Din al-Subki (771H), - Muʿjam al-Shuyukh), No. 315; (Abu Nuʿaym al-Asbahani (430H), - Dalaʾil al-Nubuwwah), No. 24 dan lain-lain.

Abu Lahab – Seorang Musuh Islam – Yang Pernah Gembira dengan Kelahiran Rasulullah ﷺ Juga Mendapat Manfaat, Apatah lagi Seorang Muslim Yang Gembira dan Bersyukur dengan Kelahiran Rasulullah ﷺ?

Al-Imam al-Hafiz Shams al-Din Ibn Nasir al-Din al-Dimashqi al-Shafi'i (wafat 842H) - salah seorang ulama' hadith terkenal di Damshiq, Sham (Syria). Beliau menjadi Sheikh di Dar al-Hadith al-Ashrafiyyah pada tahun 837H. Beliau menyebut di dalam kitabnya: *"Mawrid al-Sadi fi Mawlid al-Hadi"* (مورد الصادي في مولد الهادي):

قَدْ صَحَّ أَنَّ أَبَا لَهَبٍ يُخَفَّفُ عَنْهُ عَذَابُ النَّارِ فِي مِثْلِ يَوْمِ الْاِثْنَيْنِ لِإِعْتَاقِهِ ثُوَيْبَةَ سُرُورًا بِمِيلَادِ النَّبِيِّ ﷺ

"Telah sahih (riwayat) bahawa sesungguhnya Abu Lahab diringankan ke atasnya azab neraka pada setiap Hari Isnin kerana dia pernah membebaskan Thuwaybah lantaran gembira dengan kelahiran Nabi ﷺ."

PENUNTUT ILMU

Kemudian beliau membaca syair berikut:

إِذَا كَانَ هٰذَا كَافِرٌ جَاءَ ذَمُّهُ	وَتَبَّتْ يَدَاهُ فِي الْجَحِيمِ مُخَلَّدَا
Sekiranya si kafir ini (Abu Lahab) yang datang kejian ke atasnya	Dan kebinasaan bagi kedua-dua tangannya lagi kekal di neraka
أَتَى أَنَّهُ فِي يَوْمِ الْاِثْنَيْنِ دَائِمًا	يُخَفَّفُ عَنْهُ لِلسُّرُورِ بِأَحْمَدَا
Telah datang khabar bahawa dia pada setiap hari Isnin selamanya	Diringankan azabnya kerana kegembiraannya dengan (kelahiran) Ahmad (Rasulullah ﷺ)
فَمَا الظَّنُّ بِالْعَبْدِ الَّذِي طُولَ عُمْرِهِ	بِأَحْمَدَ مَسْرُورًا وَمَاتَ مُوَحِّدَا
Maka apakah sangkaanmu dengan seorang hamba yang sepanjang umurnya	Bergembira dengan (kelahiran/ kedatangan) Ahmad (Rasulullah ﷺ) dan mati sebagai seorang yang mengesakan Allah?

R: al-Suyuti - al-Hawi li al-Fatawi

كَأَنَّكَ قَدْ خُلِقْتَ كَمَا تَشَاءُ	خُلِقْتَ مُبَرَّأً مِنْ كُلِّ عَيْبٍ
Seolah-olah engkau diciptakan sepertimana engkau kehendaki	Engkau diciptakan dengan (sempurna), terpelihara dari segala keaiban
وَأَفْضَلُ مِنْكَ لَمْ تَلِدِ النِّسَاءُ	فَأَجْمَلُ مِنْكَ لَمْ تَرَ قَطُّ عَيْنَيْ
Dan mana-mana wanita tidak pernah melahirkan bayi yang lebih mulia daripadamu	Maka kedua-dua mataku ini tidak pernah melihat sesuatu yang lebih cantik/ indah daripadamu

Saidina Hassan Ibn Thabit ﷺ adalah seorang penyair yang masyhur dari kalangan sahabat Rasulullah ﷺ. Beliau adalah dari kaum Ansar, dari Qabilah al-Khazraj. Rasulullah ﷺ pernah mendoakannya dengan berkata:

اَللَّهُمَّ أَيِّدْهُ بِرُوحِ الْقُدُسِ

"Ya Allah! Bantulah dia dengan Ruh al-Quds (Jibril ﷺ)."

Rasulullah ﷺ juga pernah menghadiahkan beliau seorang hamba perempuan berbangsa Qibti yang telah dihadiahkan oleh Raja Mesir al-Muqawqis kepada Baginda yang bernama Sirin Bint Sham'un. Sirin Bint Sham'un adalah saudara perempuan (adik beradik) kepada Mariyah al-Qibtiyyah yang memeluk Islam dan dikahwini oleh Rasulullah ﷺ. Sirin Bint Sham'un lalu memeluk Islam dah berkahwin dengan Hassan Ibn Thabit ﷺ dan mereka dikurniakan anak bernama Abd al-Rahman.

Rasulullah ﷺ Diberi Pilihan oleh Allah ﷻ untuk Wafat atau Kekal di Dunia

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ ﷺ، قَالَ:

خَطَبَ رَسُولُ اللهِ ﷺ النَّاسَ، وَقَالَ: ((إِنَّ اللهَ خَيَّرَ عَبْدًا بَيْنَ الدُّنْيَا وَبَيْنَ مَا عِنْدَهُ فَاخْتَارَ ذَلِكَ الْعَبْدُ مَا عِنْدَ اللهِ))، قَالَ: فَبَكَى أَبُو بَكْرٍ، فَعَجِبْنَا لِبُكَائِهِ أَنْ يُخْبِرَ رَسُولُ اللهِ ﷺ عَنْ عَبْدٍ خُيِّرَ، فَكَانَ رَسُولُ اللهِ ﷺ هُوَ الْمُخَيَّرَ وَكَانَ أَبُو بَكْرٍ أَعْلَمَنَا.

Daripada Abu Sa'id al-Khudri ﷺ, beliau berkata:

"Rasulullah ﷺ berkhutbah kepada orang ramai dan Baginda bersabda:

Sesungguhnya Allah telah memberi pilihan kepada seorang hambaNya di antara (kehidupan) dunia dan apa yang ada di sisinya. Maka hamba tersebut telah memilih apa yang ada di sisi Allah."

Beliau (Abu Sa'id al-Khudri ﷺ) berkata: Lalu Abu Bakr ﷺ pun menangis dan kami merasa takjub/hairan dengan tangisannya apabila Rasulullah ﷺ memberitahu tentang seorang hamba (Allah) yang diberi pilihan.

(Kemudian kami mengerti bahawa) Rasulullah ﷺ adalah hamba Allah yang diberi pilihan itu, dan Abu Bakr ﷺ adalah orang yang paling mengetahui tentang Baginda ﷺ dari kalangan kami."

T: (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 466, 3654 [Lafaz di atas] & 3904; (al-Tirmidhī (279H), - al-Jāmi' al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)), No. 3660; (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad), No. 10750; (Ibn Ḥibbān (354H), 1993 - Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān), No. 6861 dan lain-lain.

Hawd (Telaga) Rasulullah ﷺ Yang Sangat Luas Dengan Air Yang Sangat Putih dan Wangi

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ عَمْرٍو رضي الله عنهما، قَالَ النَّبِيُّ ﷺ:

((حَوْضِي مَسِيرَةُ شَهْرٍ، (وَزَوَايَاهُ سَوَاءٌ)، مَاؤُهُ أَبْيَضُ مِنَ اللَّبَنِ، وَرِيحُهُ أَطْيَبُ مِنَ الْمِسْكِ، وَكِيزَانُهُ كَنُجُومِ السَّمَاءِ، مَنْ شَرِبَ مِنْهَا فَلَا يَظْمَأُ أَبَدًا))

Daripada 'Abdullah Ibn 'Amr رضي الله عنهما, beliau meriwayatkan bahawa Nabi ﷺ bersabda:

"Telagaku adalah seluas perjalanan sebulan; (dan sudut-sudutnya adalah sama); airnya lebih putih daripada susu; dan baunya lebih wangi daripada (minyak) misik; dan bekas-bekas minumannya adalah seperti bintang-bintang di langit (banyaknya).

Barang siapa yang minum air daripadanya, maka dia tidak akan dahaga selama-lamanya."

T: (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 6579 [Lafaz di atas]; (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 2295 dengan tambahan: (...); (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad), No. 6336 & 6696; (Ibn Ḥibbān (354H), 1993 - Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān), No. 6452; (al-Bazzār (292H), 1997 - al-Baḥr al-Zakhkhār bi Musnad al-Bazzār), No. 2435 & 2462 dan lain-lain.

Rasulullah ﷺ adalah Orang Yang Paling Bertaqwa dan Yang Paling Mengenal Allah ﷻ

عَنْ عَائِشَةَ رضي الله عنها، قَالَتْ:

كَانَ رَسُولُ اللهِ ﷺ ... يقُولُ: ((إِنَّ أَتْقَاكُمْ وَأَعْلَمَكُمْ بِاللهِ أَنَا))

Daripada Saidatina 'A'ishah رضي الله عنها, beliau berkata:

"Rasulullah ﷺ pernah bersabda:

Sesungguhnya orang yang paling bertaqwa dan yang paling mengenal Allah ﷻ dari kalangan kamu adalah aku."

T: (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 20.

Di dalam riwayat (Imam) Ahmad Ibn Hanbal (No. 23169), seorang sahabat Rasulullah ﷺ (*mubham*) daripada kaum Ansar meriwayatkan bahawa Baginda bersabda:

أَنَا أَتْقَاكُمْ لله، وَأَعْلَمُكُمْ بِحُدُودِ الله

"Aku adalah orang paling bertaqwa kepada Allah dari kalangan kamu; dan aku adalah orang paling mengetahui tentang batasan-batasan (hukum ahkam) Shariat Allah dari kalangan kamu."

Rasulullah ﷺ adalah Rahmat daripada Allah ﷻ kepada Seluruh Alam

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ﷺ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ :

((يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّمَا أَنَا رَحْمَةٌ مُهْدَاةٌ))

Daripada Abu Hurayrah ﷺ, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

"Wahai sekalian manusia, (ketahuilah bahawa) sesungguhnya Aku ini adalah satu rahmat yang dihadiahkan (oleh Allah kepada seluruh alam)."

T: (al-Ḥakim (405H), 1990 - al-Mustadrak ʿalā al-Saḥīḥayn), No. 98 [Lafaz di atas] dan beliau berkata: (هَذَا حَدِيثٌ صَحِيحٌ عَلَى شَرْطِهِمَا فَقَدِ احْتَجَّا جَمِيعًا بِمَالِكِ بْنِ سُعَيْرٍ، وَالتَّفَرُّدُ مِنَ الثِّقَاتِ مَقْبُولٌ); (al-Shihāb al-Quḍāʿī (454H), 1986 - Musnad al-Shihāb), No.1160; (al-Haythamī (807H), 1979 - Kashf al-Astār ʿan Zawāʾid al-Bazzār); No.2367; (al-Tabarani (360H), - al-Muʿjam al-Saghir), No. 95; (al-Tabarānī (360H), - al-Muʿjam al-Awṣaṭ), No. 2981 dan lain-lain.

Faedah: Alam (عَالَمٌ) adalah istilah yang merujuk kepada seluruh makhluk yang dijadikan oleh Allah ﷻ. Ia dinamakan sebagai "alam" kerana alam ini adalah "alamat" (عَلَامَةٌ) atau tanda kepada kewujudan, kekuasaan dan keagungan Allah ﷻ. Tempat (مَكَانٌ) dan masa (زَمَانٌ) juga adalah alam dan makhluk ciptaan Allah ﷻ.

Seluruh Bumi Dijadikan Masjid dan Suci Lagi Menyucikan Bagi Rasulullah ﷺ [Dan Umat Baginda]

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ﷺ، أَنَّ رَسُولَ اللهِ ﷺ قَالَ:

((جُعِلَتْ لِي الْأَرْضُ مَسْجِدًا وَطَهُورًا))

Daripada Abu Hurayrah ﷺ, beliau meriwayatkan bahawa sesungguhnya Rasulullah ﷺ bersabda:

"Bumi ini (seluruhnya) telah dijadikan untukku sebagai masjid (tempat bersolat) dan *tahur* (suci lagi menyucikan)."

T: (Ibn Mājah (273H), 2010 - Sunan Ibn Mājah), No. 567 [Lafaz di atas]; (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmiʿ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No.523; (al-Tirmidhī (279H), - al-Jāmiʿ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)), No. 1553; (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad), No.7225 dan lain-lain.

Tahur: Sesuatu yang suci (*tahir*) pada zatnya dan menyucikan (*mutahhir*) bagi yang lain.

Allah ﷻ Mengangkat Sebutan Nama Rasulullah ﷺ Bersama NamaNya

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ ﷺ، أَنَّ رَسُولَ الله ﷺ قَالَ:

((أَتَانِي جِبْرِيلُ، فَقَالَ: إِنَّ رَبِّي وَرَبَّكَ يَقُولُ لَكَ: كَيْفَ رَفَعْتُ ذِكْرَكَ؟، قَالَ: اَللهُ أَعْلَمُ، قَالَ: إِذَا ذُكِرْتُ ذُكِرْتَ مَعِي))

Daripada Abu Sa'īd al-Khudrī ﷺ, beliau meriwayatkan bahawa sesungguhnya Rasulullah ﷺ bersabda:

"Jibril ﷺ telah datang kepadaku, lalu dia berkata: Sesungguhnya Tuhanku dan Tuhanmu berfirman (*hadith qudsi*) kepadamu: (Adakah kamu tahu) bagaimanakah Aku telah mengangkat sebutan namamu (wahai Muhammad)?.

Baginda menjawab: Allah ﷻ lebih mengetahui. Dia (Allah ﷻ) berfirman (*hadith qudsi*): Apabila namaKu disebut/ diingati, maka namamu juga akan disebut/ diingati bersamaKu."

T: (Ibn Ḥibbān (354H), 1993 - Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān), No. 3382 [Lafaz di atas]; (Abū Ya'lā al-Mawṣilī (307H), 1992 - Musnad Abī Ya'lā al-Mawṣilī), No. 1380; (al-Būṣīrī (840H), 1998 - Itḥāf al-Khiyarah al-Maharah bi Zawā'id al-Masānīd al-'Asharah), No. 8765; (Abu Bakr al-Khallal (311H), - al-Sunnah), No. 318; (al-Ajurri (360H), - al-Shari'ah), No.967 & 968; (al-Tabari (310H), 2000 - Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Qur'an), No.34963; (al-Wahidi (468H), - al-Wasit fi Tafsir al-Qur'an al-Majid), No. 1138 dan lain-lain.

Kemuliaan Nasab Keturunan dan Hubungan Perkahwinan Dengan Rasulullah ﷺ Tidak Akan Terputus Walaupun Pada Hari Kiamat

عَنْ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ ﷺ، قَالَ: إِنِّي سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ ﷺ يَقُولُ:

((كُلُّ نَسَبٍ وَسَبَبٍ (/وَصِهْرٍ) يَنْقَطِعُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، إِلَّا مَا كَانَ مِنْ سَبَبِي وَنَسَبِي (/وَصِهْرِي)))

Daripada ʿUmar Ibn al-Khattāb ﷺ, beliau berkata: Sesungguhnya saya telah mendengar Rasulullah ﷺ bersabda:

"Semua nasab (keturunan) dan sebab (hubungan perkahwinan) akan terputus pada hari Kiamat nanti kecuali (apa yang datang dari) sebab (perkahwinan)ku dan nasab (keturunan)ku."

T: (al-Ḥakim (405H), 1990 - al-Mustadrak ʿalā al-Saḥīḥayn), No. 4628 [Lafaz di atas] dan beliau berkata: (هذا حديث صحيح الإسناد ولم يخرجاه); (al-Ḍiyāʾ al-Maqdisī (643H), - al-Aḥādīth al-Mukhtārah), No. 90,91 & 256; (Saʿid Ibn Mansur - Sunan Saʿid Ibn Mansur), No. 520; (al-Bayhaqī (458H), 2000 - al-Sunan al-Kubrā), No. 12398,12399 & 12645; (al-Bazzār (292H), 1997 - al-Baḥr al-Zakhkhār bi Musnad al-Bazzār), No. 274 dan lain-lain.

Hadith ini diriwayatkan oleh Saidina ʿUmar Ibn al-Khattāb ﷺ setelah beliau berjaya memujuk Saidina ʿAlī Ibn Abī Ṭālib ﷺ untuk menikahkan beliau dengan anak perempuannya dari isterinya Saidatina Fatimah ﷺ yang bernama Umm Kalthūm. Ketika mengulas tujuan perkahwinan dengan Umm Kalthum, Saidina ʿUmar Ibn al-Khattāb ﷺ berkata:

PENUNTUT ILMU

فَأَحْبَبْتُ أَنْ يَكُونَ بَيْنِي وَبَيْنَ رَسُولِ اللهِ ﷺ نَسَبٌ وَسَبَبٌ

"Maka aku suka untuk adanya di antara aku dan Rasulullah ﷺ nasab (keturunan) dan sebab (hubungan perkahwinan)."

Rasulullah ﷺ Mempunyai Nama-nama Yang Indah dan Mulia

عَنْ جُبَيْرِ بْنِ مُطْعِمٍ ﷺ، قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ ﷺ يَقُولُ:

((إِنَّ لِي أَسْمَاءً، أَنَا مُحَمَّدٌ، وَأَنَا أَحْمَدُ، وَأَنَا الْمَاحِي الَّذِي يَمْحُو اللهُ بِيَ الْكُفْرَ، وَأَنَا الْحَاشِرُ الَّذِي يُحْشَرُ النَّاسُ عَلَى قَدَمِي، وَأَنَا الْعَاقِبُ (الَّذِي لَيْسَ بَعْدَهُ نَبِيٌّ)))

Daripada Jubayr Ibn Muṭʿim ﷺ, beliau berkata: Saya telah mendengar Rasulullah ﷺ bersabda:

> "Sesungguhnya bagiku nama-nama (yang pelbagai): Aku adalah Muḥammad; dan aku adalah Aḥmad;
>
> dan aku adalah al-Māḥī (Penghapus/Pemadam) - Allah menghapuskan kekufuran dengan (sebab)ku;
>
> dan aku adalah al-Ḥāshir (Pembangkit) yang mana manusia-manusia yang lain dibangkitkan selepasku;
>
> dan aku adalah al-ʿĀqib (Penutup) (yang mana tidak ada selepasnya seorang nabi pun)."

T: (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 3532 & 4896 [Lafaz di atas]; (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmiʿ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 2356: (...); (al-Tirmidhī (279H), - al-Jāmiʿ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)), No. 2840; (al-Dārimī (255H), 2000 - Sunan al-Dārimī), No. 2775 dan lain-lain.

Kaedah di dalam Bahasa Arab: *"Nama yang banyak menunjukkan kemuliaan yang tinggi."* Al-Imam Abu Abdillah Muhammad Ibn Sulayman al-Jazuli telah menghimpunkan **201** nama bagi Rasulullah ﷺ di bahagian muqaddimah selawatnya yang masyhur *"Dalāʾil al-Khayrāt"*. Manakala al-ʿAllāmah Mūsā al-Rūhānī al-Bāzī telah menghimpunkan sebanyak **805** nama Rasulullah ﷺ di dalam himpunan selawatnya *"al-Barakāt al-Makkiyyah."*

Allah Berjanji Kepada Nabi Muhammad ﷺ Bahawa Dia Akan Menggembirakan Baginda ﷺ Pada Umat Baginda ﷺ

Daripada 'Abdullah Ibn 'Amr Ibn al-'Āṣ رضي الله عنهما, beliau meriwayatkan bahawa:

"Sesungguhnya Rasulullah ﷺ telah membaca firman Allah ﷻ berkenaan (kata-kata Nabi) Ibrahim عليه السلام:

"Wahai Tuhanku, berhala-berhala itu telah menyebabkan sesat banyak di antara umat manusia. Oleh itu, sesiapa yang menurutku (dalam Islam yang menjadi peganganku) maka ia adalah dari golonganku; dan sesiapa yang menderhaka kepadaku (dengan menyalahi ugamaku), maka sesungguhnya engkau Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani (kiranya ia insaf dan bertaubat)." (Ibrahim:36)

Dan (firman Allah ﷻ berkenaan) kata-kata (Nabi) 'Isā عليه السلام:

"Jika Engkau menyeksa mereka, (maka tidak ada yang menghalanginya) kerana sesungguhnya mereka adalah hamba-hambaMu; dan jika Engkau mengampunkan mereka, maka sesungguhnya Engkaulah sahaja yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana." (al-Ma'idah:118).

Lalu Baginda ﷺ mengangkat kedua-dua tangan Baginda ﷺ (yang mulia) dan berdoa: ((Ya Allah! Umatku, umatku!)) dan lantas Baginda ﷺ menangis.

Maka Allah ﷻ berfirman: ((Wahai Jibril! Pergilah kepada Muhammad - dan Tuhanmu lebih mengetahui - maka tanyakankanlah kepadanya apa yang menyebabkan dia menangis.)) Maka (Saidina) Jibril عليه السلام pun datang kepada Baginda ﷺ dan bertanya Baginda ﷺ. Baginda ﷺ pun memberitahunya dengan apa yang telah Baginda katakan (risaukan) - sedangkan Dia (Allah) lebih mengetahui.

Maka Allah ﷻ berfirman: ((Wahai Jibril! Pergilah engkau kepada Muhammad dan katakan kepadanya: Sesungguhnya kami akan menjadikan engkau reda berkenaan (perbuatan kami terhadap) umatmu dan kami tidak akan menyakitimu (pada mereka).))

T: (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 205 [Lafaz di atas]; (Ibn Ḥibbān (354H), 1993 - Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān), No. 7390 & 7391; (Abu 'Awanah (316H), 1998 - Mustakhraj Abi 'Awanah), No. 415 ; (al-Hakim (405H), 1990 - al-Mustadrak 'alā al-Ṣaḥīḥayn), No. 301 dan beliau berkata: (رَوَاهُ مُسْلِمٌ، عَنْ يُونُسَ بْنِ عَبْدِ الأَعْلَى، عَنِ ابْنِ وَهْبٍ) dan lain-lain.

Nasab Keturunan Rasulullah ﷺ Sejak Nabi Adam عليه السلام Tidak Tercemar Dengan Kekotoran Zina

عَنْ عَلِيٍّ رضي الله عنه، أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ:

((خَرَجْتُ مِنْ نِكَاحٍ، وَلَمْ أَخْرُجْ مِنْ سِفَاحٍ، مِنْ لَدُنْ آدَمَ إِلَى أَنْ وَلَدَنِي أَبِي وَأُمِّي))

Daripada Saidina ʿAlī Ibn Abī Ṭālib رضي الله عنه, beliau meriwayatkan bahawa sesungguhnya Nabi ﷺ bersabda:

"Aku dilahirkan daripada pernikahan (yang sah menurut Islam) dan aku tidak dilahirkan dari perzinaan, dari sejak (Nabi) Adam عليه السلام sehinggalah kedua-dua ibu bapaku melahirkan daku."

T: (al-Tabarānī (360H), - al-Muʿjam al-Awṣaṭ), No. 4728 [Lafaz di atas]: Sanadnya baik; (Ibn Ḥajar al-ʿAsqalānī (852H), 1998 - al-Maṭālib al-ʿĀliyah bi Zawāʾid al-Masānid al-Thamāniyah), No. 4210; (al-Būṣīrī (840H), 1998 - Itḥāf al-Khiyarah al-Maharah bi Zawāʾid al-Masānīd al-ʿAsharah), No. 8476; (al-Ajurri (360H), - al-Shariʿah), No. 648; (Abu Nuʿaym al-Asbahani (430H), - Dalaʾil al-Nubuwwah), No. 14; (Ibn ʿAsākir (571H), 1998 - Tārīkh Dimashq), No. 1987 dan lain-lain. (al-Haythamī (807H), 1994 - Majmaʿ al-Zawāʾid wa Manbaʿ al-Fawāʾid), No. 13820 dan beliau berkata: (رَوَاهُ الطَّبَرَانِيُّ فِي الْأَوْسَطِ، وَفِيهِ مُحَمَّدُ بْنُ جَعْفَرِ بْنِ مُحَمَّدِ بْنِ عَلِيٍّ، صَحَّحَ لَهُ الْحَاكِمُ فِي الْمُسْتَدْرَكِ وَقَدْ تَكَلَّمَ فِيهِ، وَبَقِيَّةُ رِجَالِهِ ثِقَاتٌ.). Hadith ini mempunyai shawāhid dan tawābiʾ/mutābiʿāt yang banyak.

صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ

"Semoga Allah melimpahkan rahmat bersama penghormatan dan kesejahteraaan ke atas Baginda, keluarga Baginda dan para sahabat Baginda"

Enam Keistimewaan Rasulullah ﷺ Berbanding Para Nabi عليهم السلام Yang Lain

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رضي الله عنه، أَنَّ رَسُولَ اللهِ ﷺ قَالَ:

((فُضِّلْتُ عَلَى الْأَنْبِيَاءِ بِسِتٍّ: أُعْطِيتُ جَوَامِعَ الْكَلِمِ، وَنُصِرْتُ بِالرُّعْبِ، وَأُحِلَّتْ لِيَ الْغَنَائِمُ، وَجُعِلَتْ لِيَ الأَرْضُ طَهُورًا وَمَسْجِدًا، وَأُرْسِلْتُ إِلَى الْخَلْقِ كَافَّةً، وَخُتِمَ بِيَ النَّبِيُّونَ))

Daripada Abu Hurayrah رضي الله عنه, beliau meriwayatkan bahawa sesungguhnya Rasulullah ﷺ bersabda:

"Aku telah diberi kelebihan (faḍā'il) ke atas para Nabi عليهم السلام yang lain dengan enam perkara:

(i) Aku dikurniakan dengan kata-kata yang jāmiʿ (ringkas dengan makna yang luas); dan

(ii) Aku diberi kemenangan dengan dicampakkan rasa ketakutan (ke dalam hati musuh-musuhku); dan

(iii) Dihalalkan bagiku harta rampasan perang; dan

(iv) Dijadikan bumi ini bagiku sebagai suci lagi menyucikan dan masjid (tempat bersolat); dan

(v) Aku diutuskan kepada seluruh makhluk; dan

(vi) Aku dijadikan penutup segala para Nabi عليهم السلام."

T:(Muslim (261H), 2006 - al-Jāmiʿ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 523 [Lafaz di atas]; (al-Tirmidhī (279H), - al-Jāmiʿ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)), No. 1553 dan beliau berkata: (هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ); (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad), No. 27496; (Ibn Ḥibbān (354H), 1993 - Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān), No. 6403 dan lain-lain.

Neraka Buat Golongan Yang Tidak Beriman dengan Rasulullah ﷺ

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ﷺ، عَنِ رَسُولِ اللهِ ﷺ أَنَّهُ قَالَ:

((وَالَّذِي نَفْسُ مُحَمَّدٍ بِيَدِهِ، لَا يَسْمَعُ بِي أَحَدٌ مِنْ هَذِهِ الأُمَّةِ يَهُودِيٌّ، وَلَا نَصْرَانِيٌّ، ثُمَّ يَمُوتُ وَلَمْ يُؤْمِنْ بِالَّذِي أُرْسِلْتُ بِهِ، إِلَّا كَانَ مِنْ أَصْحَابِ النَّارِ))

Daripada Abu Hurayrah ﷺ, beliau meriwayatkan daripada Rasulullah ﷺ bahawa sesungguhnya Baginda bersabda:

"Demi (Allah) yang nyawaku di dalam kekuasaanNya, tidak seorang pun daripada umat ini yang mendengar tentangku, sama ada dia Yahudi atau Nasrani, kemudian dia mati dalam keadaan dia tidak beriman dengan risalah yang aku bawakan, melainkan dia adalah daripada ahli-ahli neraka."

T: (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 155 [Lafaz di atas]; (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad). No.27420 & 27301; (Abu 'Awanah (316H), 1998 - Mustakhraj Abi 'Awanah), No.307 & 308; (Abu Nu'aym al-Asbahani (430H), 1996M/1417H - al-Musnad al-Mustakhraj 'ala Sahih Muslim), No. 384 dan lain-lain.

Menyintai Rasulullah ﷺ Melebihi Seluruh Manusia Yang Lain adalah Syarat Kesempurnaan Iman

عَنْ أَنَسٍ ﷺ، قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ:

((لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّى أَكُونَ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ وَالِدِهِ وَوَلَدِهِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ))

Daripada Anas Ibn Malik ﷺ, beliau berkata: Nabi ﷺ telah bersabda:

"Tidak beriman seseorang daripada kamu (dengan iman yang sempurna) sehinggalah aku lebih dicintai olehnya daripada bapanya, dan anaknya, dan manusia keseluruhannya."

T: (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 15 [Lafaz di atas]; (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmiʿ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 45 & 46; (al-Nasāʿī (303H), 1986 - al-Sunan al-Sughrā / al-Mujtabā min al-Sunan), No. 5013 & 5014 dan lain-lain.

Rasulullah ﷺ Sentiasa Diberi Makan dan Minum oleh Allah ﷻ

عَنْ عَائِشَةَ رضي الله عنها ، قَالَتْ:

((نَهَاهُمُ النَّبِيُّ ﷺ عَنِ الْوِصَالِ رَحْمَةً لَهُمْ، فَقَالُوا: إِنَّكَ تُوَاصِلُ، قَالَ: ((إِنِّي لَسْتُ كَهَيْئَتِكُمْ، إِنِّي يُطْعِمُنِي رَبِّي وَيَسْقِينِي))

Daripada Saidatina Umm al-Mu'minin ʿA'ishah رضي الله عنها , beliau berkata:

"Nabi ﷺ melarang mereka (para sahabat رضي الله عنهم) daripada *wiṣāl* (puasa yang berturut-turut tanpa diselangi dengan berbuka/ makan dan minum) kerana merahmati/mengasihani mereka.

Maka mereka (para sahabat رضي الله عنهم) berkata: Sesungguhnya engkau me*wiṣal*kan puasa.

Baginda ﷺ bersabda: **Sesungguhnya aku bukanlah seperti keadaan kalian semua, sesungguhnya Tuhanku sentiasa memberi daku makan dan minum.**"

T: (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmiʿ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 1106 [Lafaz di atas]; (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 1964 dan lain-lain.

Hati Rasulullah ﷺ Tidak Pernah Tidur (Lalai Daripada Allah ﷻ)

عَنْ عَائِشَةَ رضي الله عنها ، قَالَتْ :

... قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللهِ، أَتَنَامُ قَبْلَ أَنْ تُوتِرَ؟ فَقَالَ: ((يَا عَائِشَةُ، إِنَّ عَيْنَيَّ تَنَامَانِ، وَلَا يَنَامُ قَلْبِي))

Daripada Saidatina Umm al-Mu'minin ʿA'ishah رضي الله عنها , beliau berkata:

"... Saya telah berkata (bertanya): Wahai Rasulullah, adakah Tuan tidur sebelum Tuan melakukan solat witir?.

Baginda ﷺ bersabda: "Wahai ʿA'ishah, sesungguhnya kedua-dua mataku ini tidur, namun begitu hatiku ini tidak pernah tidur (tidak lalai dari Allah ﷻ)."

T: (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmiʿ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 1225 [Lafaz di atas]; (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 1147, 2013 & 3569; (al-Tirmidhī (279H), - al-Jāmiʿ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)), No. 439 dan beliau berkata: (هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ) dan lain-lain.

Golongan Kafir Melihat Kepada Para Rasul ﷺ Mereka dengan Pandangan Hina tanpa Sebarang Kelebihan (*Fada'il*)

Al-Quran telah merakamkan sifat-sifat golongan yang ingkar dan kufur terhadap para Rasul ﷺ . Mereka melihat para utusan Allah ini dengan pandangan yang hina dan menafikan sebarang kelebihan kurniaan Allah ﷻ kepada mereka. Mereka merendah-rendahkan para Rasul ﷺ sebagai manusia biasa seperti mereka dan menyatakan bahawa para Rasul ﷺ ini tidak memiliki sebarang kelebihan berbanding mereka. Sebagai contoh, hakikat perangai dan sikap golongan kafir yang ingkar ini dirakamkan di dalam:

Surah: No. Ayat	Ayat dan Terjemahan
Hud: 27	فَقَالَ ٱلْمَلَأُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مِن قَوْمِهِۦ مَا نَرَىٰكَ إِلَّا بَشَرًا مِّثْلَنَا وَمَا نَرَىٰكَ ٱتَّبَعَكَ إِلَّا ٱلَّذِينَ هُمْ أَرَاذِلُنَا بَادِىَ ٱلرَّأْىِ وَمَا نَرَىٰ لَكُمْ عَلَيْنَا مِن فَضْلٍۭ بَلْ نَظُنُّكُمْ كَٰذِبِينَ ﴿٢٧﴾ "Maka berkatalah ketua-ketua yang kafir dari kaumnya: Kami tidak memandang kamu **melainkan sebagai seorang manusia seperti kami**; dan kami tidak nampak golongan yang mengikutmu melainkan orang kami yang hina, lagi berfikiran singkat; dan **kami juga tidak memandang kamu mempunyai sebarang kelebihan yang mengatasi kami**, bahkan kami menganggap kamu orang pendusta."

Ibrahim:10	قَالَتۡ رُسُلُهُمۡ أَفِي ٱللَّهِ شَكّٞ فَاطِرِ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِۖ يَدۡعُوكُمۡ لِيَغۡفِرَ لَكُم مِّن ذُنُوبِكُمۡ وَيُؤَخِّرَكُمۡ إِلَىٰٓ أَجَلٖ مُّسَمّٗىۚ قَالُوٓاْ إِنۡ أَنتُمۡ إِلَّا بَشَرٞ مِّثۡلُنَا تُرِيدُونَ أَن تَصُدُّونَا عَمَّا كَانَ يَعۡبُدُ ءَابَآؤُنَا فَأۡتُونَا بِسُلۡطَٰنٖ مُّبِينٖ ١٠ "Rasul-rasul mereka berkata: Patutkah berlakunya sebarang keraguan tentang wujudnya Allah, yang menciptakan langit dan bumi? Ia menyeru kamu untuk mengampunkan kamu dari dosamu, dan memberi tempoh kepada kamu hingga ke suatu masa yang tertentu. Mereka menjawab: **Kamu tidak lain hanyalah manusia seperti kami.** Kamu bertujuan hendak menyekat kami daripada menyembah apa yang telah disembah oleh datuk nenek kami. Oleh itu, bawalah kepada kami satu bukti yang jelas nyata."
Al-Mu'minun: 24	فَقَالَ ٱلۡمَلَؤُاْ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ مِن قَوۡمِهِۦ مَا هَٰذَآ إِلَّا بَشَرٞ مِّثۡلُكُمۡ يُرِيدُ أَن يَتَفَضَّلَ عَلَيۡكُمۡۚ وَلَوۡ شَآءَ ٱللَّهُ لَأَنزَلَ مَلَٰٓئِكَةٗ مَّا سَمِعۡنَا بِهَٰذَا فِيٓ ءَابَآئِنَا ٱلۡأَوَّلِينَ ٢٤ "Maka ketua-ketua yang kafir dari kaumnya berkata: **Orang ini hanyalah seorang manusia seperti kamu,** ia bertujuan hendak melebihkan dirinya daripada kamu. Dan kalau Allah berkehendak tentulah Ia menurunkan malaikat. Kami tak pernah mendengar seruan seperti ini dalam kalangan datuk nenek kami yang telah lalu."

Dan banyak lagi.

Hadith 3: Anas Ibn Malik ﷺ - *Ruʿyah Ḥasanah dari Seorang Yang Soleh*

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ ﷺ، أَنَّ رَسُولَ اللهِ ﷺ قَالَ:

((الرُّؤْيَا الْحَسَنَةُ مِنَ الرَّجُلِ الصَّالِحِ، جُزْءٌ مِنْ سِتَّةٍ وَأَرْبَعِينَ جُزْءًا مِنَ النُّبُوَّةِ))

Daripada Anas Ibn Malik ﷺ, beliau meriwayatkan bahawa sesungguhnya Rasulullah ﷺ bersabda:

> "Mimpi yang baik daripada seorang yang soleh adalah satu juzu' (bahagian) daripada empat puluh enam (46) juzu'-juzu' kenabian."

T: (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 6983 [Lafaz di atas] & 6988; (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmiʿ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 2263; (al-Tirmidhī (279H), - al-Jāmiʿ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)), No. 2272; (Ibn Mājah (273H), 2010 - Sunan Ibn Mājah), No. 3893 dan lain-lain.

"Wangian Diingati Dengan Wangian"

Al-Amir al-San'ani (w.1182H) Berselawat Ke atas Rasulullah ﷺ Ketika Memakai Minyak Wangi

Al-Amir al-San'ani (w.1182H) – pengarang kitab "*Subul al-Salam Sharh Bulugh al-Maram*" diriwayatkan sentiasa berselawat kepada Rasulullah ﷺ setiap kali orang lain memberikannya/memakaikannya minyak wangi.

Beliau ditanya: Adakah di sana ada dalil bagi amalan ini (iaitu berselawat ketika memakai minyak wangi)?

Beliau pun menjawab dengan melantunkan syair berikut:

فَهَلْ عِنْدَكُمْ مِنْ سُنَّةٍ فِيهِ تُؤْثَرُ؟	يَقُولُونَ: عِنْدَ الطِّيبِ تَذْكُرُ أَحْمَدًا	1
"Apakah di sisi kamu ada (dalil) sunnah berkenaannya yang diwarisi?"	Mereka berkata: "Ketika menggunakan minyak wangi, engkau menyebut (nama) Ahmad (ﷺ) (dengan berselawat)."	
فَأَذْكُرُهُ وَالشَّيْءُ بِالشَّيْءِ يُذْكَرُ	فَقُلْتُ لَهُمْ: لَا، إِنَّمَا الطِّيبُ أَحْمَدُ	2
Maka aku menyebutnya (ketika memakai minyak wangi), (kerana) sesuatu itu dengan dirinya itu diingati.	Maka aku berkata kepada mereka: "Tidak. (Akan tetapi) hanyasanya wangian yang sebenar adalah (Nabi) Ahmad (ﷺ)."	

Hadith 1: Abu Hurayrah ﷺ - *al-Mubashshirāt*

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ﷺ، قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ ﷺ يَقُولُ:

((لَمْ يَبْقَ مِنَ النُّبُوَّةِ إِلَّا الْمُبَشِّرَاتُ))، قَالُوا: وَمَا الْمُبَشِّرَاتُ؟، قَالَ: ((الرُّؤْيَا الصَّالِحَةُ))

Daripada Abu Hurayrah ﷺ, beliau berkata: Saya telah mendengar Rasulullah ﷺ bersabda:

> "Tidak ada yang kekal (berbaki) daripada kenabian melainkan *mubashshirāt* (berita-berita gembira).
>
> Para sahabat ﷺ berkata: Dan apakah *al-mubashshirāt* itu?
>
> Baginda bersabda: Mimpi yang baik."

T: (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No.6988 & 6990 [Lafaz di atas]; (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 2265 & 2266; (al-Tirmidhī (279H), - al-Jāmi' al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)), No. 2291; (Abū Dāwud (275H), 2010 - Sunan Abī Dāwud), No. 5017; (Ibn Mājah (273H), 2010 - Sunan Ibn Mājah), No. 3894 dan lain-lain.

Semua Makhluk Mengenal Rasulullah ﷺ Melainkan Jin dan Manusia Yang Ingkar

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللهِ ﷺ ، أَنَّ رَسُولَ اللهَ ﷺ قَالَ:

((إِنَّهُ لَيْسَ شَيْءٌ بَيْنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ، إِلَّا يَعْلَمُ أَنِّي رَسُولُ اللهِ، إِلَّا عَاصِيَ الْجِنِّ وَالْإِنْسِ))

Daripada Jabir Ibn Abdullah ﷺ, beliau meriwayatkan bahawa sesungguhnya Rasulullah ﷺ bersabda:

"Sesungguhnya tidak ada sesuatu apa pun di antara langit dan bumi, melainan pasti ia/dia mengetahui bahawa sesungguhnya aku adalah Rasulullah (ﷺ), melainkan golongan yang ingkar dari kalangan jin dan manusia."

T: (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad), No.13923 [Lafaz di atas]; (al-Dārimī (255H), 2000 - Sunan al-Dārimī), No. 18; (al-Būṣīrī (840H), 1998 - Itḥāf al-Khiyarah al-Maharah bi Zawā'id al-Masānīd al-'Asharah), No. 8530; (al-Haythamī (807H), 1979 - Kashf al-Astār 'an Zawā'id al-Bazzār), No. 2450; (Ibn Abi Shaybah (235H), 2004 - Musannaf Ibn Abi Shaybah), No.32252; (Abu Nu'aym al-Asbahani (430H), - Dala'il al-Nubuwwah), No. 279; (Ibn Hibban (354H), 1975 - al-Thiqat), No.131/2 dan lain-lain.

Ru'yah Salihah Berkenaan Sambutan Mawlid Nabi ﷺ


Al-Imam Muhammad Ibn Yusuf al-Salihi al-Shami (w.942H) menyebut di dalam kitab Sirahnya yang masyhur "**Subul al-Huda wa al-Rashad**" (Lihat Gambar 1), salah satu kitab yang terbesar berkenaan Sirah Rasulullah ﷺ bahawa Al-Shaykh Abu Abdillah Bin Abu Muhammad al-Nu'man berkata: Saya telah mendengar al-Shaykh Abu Musa al-Zarhuni berkata (Vol.1, ms:363, Bab: (الباب الثالث عشر في أقوال العلماء في عمل المولد الشريف واجتماع الناس له وما يحمد من ذلك وما يذم)):

رأيت النبي صلى الله عليه وسلم في النوم فذكرت له ما يقوله الفقهاء في عمل الولائم في المولد فقال صلى الله عليه وسلم: «من فرح بنا فرحنا به» .

"Saya telah melihat Nabi ﷺ di dalam tidur saya. Maka saya pun menyebut kepada Baginda ﷺ tentang apa yang disebut oleh para fuqaha' berkenaan jamuan makan ketika Mawlid, maka Baginda ﷺ bersabda: "**Barangsiapa yang gembira dengan kami, kami juga gembira dengannya.**"

PENUNTUT ILMU

Gambar 1: Kitab Subul al-Huda wa al-Rashad fi Sirat Khayr al-'Ibad



Bulan Terbelah Dua Dan Disaksikan Penduduk Mekah

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ مَسْعُودٍ ﷺ، قَالَ:

انْشَقَّ الْقَمَرُ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللهِ ﷺ شِقَّتَيْنِ، فَقَالَ النَّبِيُّ ﷺ: ((اِشْهَدُوا))

Daripada Abdullah Ibn Mas'ūd ﷺ, beliau berkata:

"Bulan telah terbelah di zaman Rasulullah ﷺ kepada dua bahagian. Lalu Nabi ﷺ pun bersabda: ((Saksikanlah)), (wahai penduduk Mekah)."

T: (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 3636 [Lafaz di atas], 3869, 3871, 4864 & 4865; (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 2802 & 2803 dan lain-lain.

Pihak NASA telah mengambil gambar bulan daripada Apollo 10 pada tahun 1969 dan terlihat di atasnya lekukan garisan lurus yang panjangnya lebih 300 km. Mereka menamakannya sebagai "Rima Ariadaeus."



Rima Ariadaeus is a linear rille on the Moon at 6.4°N 14.0°E. It is named after the crater Ariadaeus, which marks its eastern end. It is over 300 km long and is categorized as a straight rille because of its linear nature

PENUNTUT ILMU

Allah ﷻ berfirman (Fussilat:53)

سَنُرِيهِمْ ءَايَٰتِنَا فِى ٱلْءَافَاقِ وَفِىٓ أَنفُسِهِمْ حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَهُمْ أَنَّهُ ٱلْحَقُّ ۗ أَوَلَمْ يَكْفِ بِرَبِّكَ أَنَّهُۥ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ شَهِيدٌ ﴿٥٣﴾

"Kami akan perlihatkan kepada mereka tanda-tanda kekuasaan Kami di merata-rata tempat dan pada diri mereka sendiri, sehingga ternyata kepada mereka bahawa Al-Qur'an adalah benar. Belumkah cukup bagi mereka bahawa Tuhanmu mengetahui dan menyaksikan tiap-tiap sesuatu?"